



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


09 JUN 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **232 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **64,788 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 274 menjadikan jumlah kumulatif 61,860 orang. Seramai 1,882 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 532 orang di hospital dan 1,350 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 103 orang dan 34 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon jingga ke zon merah manakala daerah Tongod berubah dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 118 kes iaitu daripada 350 kes kelmarin (08 Jun 2021) kepada 232 kes (09 Jun 2021).
- ii Daripada 232 kes jangkitan baharu hari ini, 127 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 55 kes adalah daripada saringan kluster, 25 kes adalah daripada saringan bergejala, sembilan (9) kes daripada saringan bersasar dan 16 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii Terdapat 11 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Lapan (8) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, tiga (3) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Lahad Datu (-11), Papar (-11) dan Kunak (-10), manakala satu (1) daerah lagi mencatatkan penurunan pada julat tiga (3) angka iaitu Kota Kinabalu (-122).
- iv Walau bagaimanapun, 10 daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan sembilan (9) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala satu (1) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Tawau 36 kes (+16). Daerah Nabawan kekal catatan kes baharu sebagaimana hari kelmarin iaitu dengan tiga (3) kes.
- v Pada hari ini, enam (6) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Kunak, Pitas, Kota Marudu dan Ranau.
- vi Penurunan yang agak ketara terjadi disebabkan berlakunya jangkitan kelompok yang besar dalam satu-satu masa, kemudiannya dikawal dan hanya menjangkiti kelompok tersebut tanpa sempat menyebar kepada komuniti. Walau bagaimanapun, Zon Hijau sudah berkurangan kepada satu (1) iaitu Daerah Beluran. Kegagalan untuk mengekalkan jumlah Zon Hijau selain daripada perubahan angka yang sangat tidak statik bagi daerah bukan Zon Hijau menunjukkan terdapat kebarangkalian berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan.

vii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Lot Sembilan; Beaufort, Kuala Penyu** mula direkodkan di Hospital Beaufort apabila kes indeks, pegawai lelaki, 36, di Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Cawangan Kuala Penyu dikesan positif dalam saringan bergejala pada 24 Mei 2021. Saringan kontak kemudiannya mendapati 11 pekerja AIM positif COVID-19, termasuk empat (4) orang yang berulang-alik bertugas di Pejabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Labuan. Hal ini telah membawa kepada penularan wabak dalam kalangan ahli keluarga yang kini mencatat jumlah kumulatif sebanyak 24 kes. Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Beaufort dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Penyu kini sedang giat menjalankan pengesanan kontak secara lebih komprehensif dan meluas bagi membendung penularan wabak dalam kalangan komuniti.
- ii **Kluster Jalan Wisma, Kota Kinabalu** melibatkan tujuh (7) kes positif COVID-19 dalam kalangan pekerja B Bang Capsule Hotel, di pusat bandar raya. Kes indeks merupakan lelaki, 24, tukang masak di hotel tersebut dikesan positif melalui saringan bergejala di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Harington pada 04 Jun 2021 dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu untuk rawatan lanjut. Susulan kes itu, 25 sampel telah diambil dan mendapati enam (6) lagi kes positif, 12 negatif sementara enam (6) sampel masih menunggu keputusan. Berdasarkan siasatan awal, penularan jangkitan COVID-19 berpunca daripada kurangnya pemahaman mengenai pematuhan SOP yang ketat dalam kawasan tempat kerja. Siasatan lanjut masih dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,122 unit

- Hospital 662 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,040 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 45.66%

B KEBENARAN FASILITI DI HOSPITAL BEROPERASI SEMASA PKP SABAH

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) memutuskan untuk membenarkan kedai runcit, kedai serbaneka dan kantin (*take away* sahaja) iaitu fasiliti dalam hospital kerajaan dan swasta beroperasi 24 jam. **Kebenaran ini berkuatkuasa serta merta.**

C PKPD PERUMAHAN KILANG, LADANG ONG YA HOO, KINABATANGAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Perumahan Kilang, Ladang Ong Ya Hoo, Kinabatangan.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 151 ujian saringan dan daripada jumlah itu 28 orang didapati positif COVID-19.
- 3 KKM turut mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Kilang, Ladang Ong Ya Hoo, Kinabatangan, bermula dari 11 Jun sehingga 24 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk mengawal pergerakan penghuni di lokaliti ini seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

D PKPD 2 LOKALITI DI KUDAT

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kudat iaitu:
 - Kampung Singgahmata, Banggi
 - Kampung Sin San
- 2 KKM telah merekodkan lapan (8) positif COVID-19 di Kampung Singgahmata, Banggi selepas lapan (8) penduduk disaring manakala di Kampung Sin San, 22 ujian saringan dilakukan dan sembilan (9) dilaporkan positif.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 11 Jun sehingga 24 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

E PENAMATAN PKPD KAMPUNG PIRASAN ULU, KOTA BELUD

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pirasan Ulu, Kota Belud yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 255 ujian saringan dan lima (5) kes dikesan di lokaliti tersebut.
- 3 Pada masa sama, KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pirasan Ulu, Kota Belud pada 10 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

F PENAMATAN PKPD TAMAN SAWIT BALUNG, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Sawit Balung, Tawau yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 496 ujian saringan dan 38 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Sawit Balung, Tawau pada 10 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **320** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,462** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **20** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,069** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **7,994** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **131,046** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **3,660** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **37,136** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 1,952 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 585,227 (mysejahtera 510,124 : laman web 74,859 : talian vaksinasi 244) bersamaan 20%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **343,750** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 142 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 55,134 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 781 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 81 hebahan melalui kereta peronda dengan satu (1) tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 82 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 43 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
- Lapan (8) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
- 13 orang : Tidak Mematuhi arahan perintah kawalan Pergerakan.
- Tiga (3) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
- Lima (5) orang : Tiada penjarakan sosial.
- Sembilan (9) orang : Membawa penumpang berlebihan.
- Satu (1) orang : Pergerakan keluar dan masuk di kawasan PKPD.

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

- i Dua (2) Kompaun : Gagal mendaftar masuk premis menggunakan mysejahtera/buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Papar.

- ii Sembilan (9) Kompaun : Tidak memakai pelitup muka di premis awam. Kompaun dikeluarkan di daerah Tawau, Kota Belud, Kinabatangan dan Beluran.
 - iii Empat (4) Kompaun : Gagal menyediakan alat penyukat suhu badan di premis. Kompaun dikeluarkan di daerah Kinabatangan, Tambunan dan Putatan.
 - vi Satu (1) Kompaun : Menjalankan perniagaan yang tidak dibenarkan iaitu pakaian. Kompaun dikeluarkan di daerah Tawau.
 - v Satu (1) Kompaun : Gagal menyediakan QR Code MySejahtera di premis. Kompaun dikeluarkan di daerah Tawau.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 317 lokasi melibatkan seramai 197 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 71 anggota di 65 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Kinabatangan, Sandakan, Ranau, Keningau dan Kota Kinabalu.
- 8 Sejumlah 120 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 231 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **94.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	95.5%
2	Sipitang	95.5%
3	Beluran	95.5%
4	Kudat	95%
5	Sandakan	95%
6	Kota Belud	95%
7	Kunak	95%
8	Beaufort	95%
9	Semporna	95%
10	Ranau	95%
11	Keningau	95%
12	Kota Marudu	94.5%
13	Lahad Datu	94%
14	Tuaran	94%
15	Papar	94%
16	Penampang	94%
17	Kinabatangan	94%
18	Kota Kinabalu	94%
19	Tawau	93.5%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**